



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 (31)

Tarikh: 24 September 2012

SIARAN MEDIA

Platform Perkongsian Maklumat oleh Pakar Landskap Sempena Sambutan Hari Landskap Negara

Putrajaya, 24 September 2012 – Seramai 250 pegawai perkhidmatan landskap yang terdiri daripada semua pelbagai agensi kerajaan hadir dalam Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap bertemakan ***Modal Insan Cemerlang Ke Arah Negara Taman***. Majlis yang turut meraikan Hari Landskap Negara telah dirasmikan oleh Y.B. Dato Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sambutan Hari Landskap Negara pada tahun ini berlainan sedikit, kerana buat kali pertamanya satu Persidangan Pegawai Perkhidmatan Landskap 2012 dianjurkan oleh Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diadakan dan ia adalah selaras dengan perkembangan landskap negara dan liberalisasi perkhidmatan landskap di arena antarabangsa .

Sebanyak 20 pembentangan kertas kerja dari Jabatan Landskap Negara, Perbadanan Putrajaya, Jabatan Landskap Johor, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Universiti Teknologi Malaysia, MARDI dan Perbadanan Labuan dibentangkan merangkumi topik berikut:

- i. Meningkatkan professionalism pegawai-pegawai perkhidmatan landskap yang merangkumi pegawai-pegawai yang bertugas di peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun.
- ii. Mengukuhkan kerjasama dan jaringan perhubungan Pegawai Perkhidmatan Landskap merentasi kategori pendidik, perunding, pelaksana dan pengurus landskap.
- iii. Mewujudkan platform perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perlandskapan.
- iv. Mengukuhkan skim perkhidmatan landskap dari aspek skop kepakaran, tugas, perjawatan dan 'career path'.

Persidangan yang dirancang untuk diadakan dua tahun sekali ini diharap dapat meningkatkan professionalism pegawai perkhidmatan landskap merangkumi jaringan perhubungan, mewujudkan platform perkongsian maklumat dan pengalaman serta mengukuhkan kepakaran dan landasan kerjaya selaras dengan perkembangan landskap negara dan liberalisasi perkhidmatan landskap di arena antarabangsa liberalisasi perkhidmatan landskap di arena antarabangsa dan visi menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang 2020.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : pro@kpkt.gov.my